

Pembangkang dinasihati jangan hanya lempar fitnah

UM 31/10/2003 - 10 PRECISE

KUALA LUMPUR 30 Okt. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menasihati parti-parti pembangkang supaya memainkan peranan yang sebenar dan bukan hanya melempar dan mencipta fitnah yang boleh memecahbelahkan rakyat.

Beliau berkata, sebagai sebuah negara demokrasi peranan pembangkang memang diperlukan di negara ini sebagai pihak yang boleh menegur dan membetulkan, jika ada kesilapan-kesilapan kerajaan.

"Negara kita perlukan pembangkang, kalau tidak, kerajaan tidak akan ditegur kalau buat kesalahan.

"Namun, kita harap pembangkang berpegang kepada kebenaran dan tidak buat sesuatu yang tidak baik seperti tuduhan tidak berasas dan fitnah," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO di Menara Dato' Onn, PWTC hari ini.

Dr. Mahathir ditanya mengenai nasihat terakhir yang mahu beliau berikan sebagai Presiden UMNO dan Perdana Menteri kepada parti-parti pembangkang di negara ini.

Dr. Mahathir juga meminta Pas supaya menerima UMNO sebagai saudara sesama Islam kerana kedua-duanya adalah dari pengikut agama yang sama.

"Kita pengikut ajaran Ahli Sunnah dan berpegang kepada mazhab Shafie. Jadi tidak ada perbezaan antara UMNO dan Pas.

"Dari segi politik memang ada perbezaan tetapi janganlah libatkan agama kerana kita adalah dari satu agama," kata beliau lagi.

Bagi parti-parti pembangkang lain pula, Dr. Mahathir berharap mereka membuat teguran yang mempunyai asas dan tidak secara sengaja mencipta kesalahan.

Mereka juga, menurut beliau, perlu menghargai kejayaan Malaysia dan tidak menafikan dan membaurkan imej negara ketika bertemu

dengan pemimpin-pemimpin asing di luar negara.

"Kita amat sedih kadang-kadang mereka lemparkan tuduhan yang memburukkan negara sendiri di hadapan orang asing yang memang berusaha memburukkan negara kita," katanya.

Beliau juga hairan kerana politik di negara ini agak aneh ekoran kempen-kempen politik diadakan sepanjang tahun sedangkan di negara demokrasi lain, kempen hanya sebelum pilihan raya, selepas itu semua kembali berbaik-baik.

"Ia membazirkan masa kita, hingga ada yang tidak bekerja langsung, cuma duduk di kedai-kedai kopi untuk bincang politik yang kadang-kadang dengan cara yang tidak baik.

"Kerajaan juga terpaksa menghabiskan masa yang banyak untuk mempertahankan diri yang mana ia merupakan satu pembaziran," katanya kesal dengan fenomena tersebut.

Mengenai usaha melahirkan bangsa Malaysia, Dr. Mahathir berkata, negara ini jauh lebih berjaya dari negara lain di dunia dalam menyatupadukan rakyatnya.

Katanya, di Malaysia rakyat bekerjasama dengan baik dan dalam parti kerajaan ada 14 parti politik yang mewakili setiap kaum di negara ini.

"Kita lebih harmoni berbanding negara-negara lain," katanya.

Ketika ditanya apakah beliau bimbang akan dilupakan satu masa kelak, Dr. Mahathir berkata, beliau juga tidak kisah jika beliau tidak diingati selepas ini.

Memetik kata-kata Shakespear, beliau berkata: "Kejahatan akan diingati, tetapi kebaikan akan disemadikan bersama tulang-tulang."

"Saya tidak bimbang tentang itu, orang boleh lupakan saya. Saya tidak kisah sama ada orang ingat kepada saya atau tidak," katanya.

Ketika diminta mengulas menge-

nai Yahudi, Dr. Mahathir berkata, mereka jangan fikir tidak boleh dikritik langsung seolah-olah Yahudi adalah bangsa terpilih.

Katanya, umat Islam sendiri sedih dan bersimpati dengan Yahudi sewaktu mereka ditindas oleh bangsa Eropah dan dihalau dari kampung halaman mereka.

"Tetapi perlu diingat ketika Yahudi ditindas oleh bangsa Eropah mereka lari dan diberi perlindungan di negara-negara Islam.

"Mereka menjadi pelarian di Maghribi, Algeria malah Mesir dan orang Islam tidak pernah memberi layanan buruk kepada Yahudi," katanya.

Tetapi, sekarang kata beliau, Yahudi melayan umat Islam seperti mana bangsa Eropah melayan mereka dahulu.

"Kami tidak lakukan kesalahan apa-apa. Mereka ambil tanah milik orang Islam. Kalau sebahagian daripada Amerika Syarikat diambil dan diberi kepada Yahudi sebagai Israel, adakah mereka akan berdiam diri?" katanya.

Dalam kes Palestin, katanya, mereka telah dihalau dari tanah air sendiri untuk diberikan kepada Yahudi.

Mengenai hasrat Pas untuk membuat laporan polis esok seperti laporan lidah rasmi Pas kononnya atas dakwaan kesalahan yang dilakukannya selama menjadi Perdana Menteri, Dr. Mahathir berkata: "Saya sedia ke mahkamah, jika saya lakukan jenayah."

Sementara itu Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada sidang akhbar yang sama berkata, UMNO pasti akan mempertahankan Dr. Mahathir kerana segala keputusan yang dibuat sepanjang pentadbiran beliau adalah keputusan bersama.